



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN KEADAAN TERKINI ANJING *HUSKY* YANG TERLIBAT DALAM KES DERA DI KONDOMINIUM LANDMARK RESIDENCE 1, KAJANG

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan menerima banyak pertanyaan daripada orang awam dan NGO berhubung status terkini keadaan anjing *Husky* yang terlibat dalam kes '**Dera Anjing *Husky* di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang**'.

Sehubungan itu, pihak Jabatan ingin memaklumkan bahawa anjing *Husky* yang terlibat dalam kes ini ditempatkan di bawah jagaan DVS serta berada dalam keadaan yang baik dan sihat. Pada masa yang sama, Jabatan juga telah melengkapkan kertas siasatan dan kes ini telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya. Pertuduhan kes ini akan disebut di mahkamah pada 19 Ogos 2024.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung keadaan anjing *Husky* tersebut sehingga sebutan kes dibuat di mahkamah.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
24 JULAI 2024**